

Isu tangkapan 3 rakyat Sabah di bawah ISA **Tiada kaitan politik — Mahathir**

(P)

UM 17 JUN 1990

KUALA LUMPUR 16 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa tangkapan ke atas tiga rakyat Sabah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) baru - baru ini tidak ada kena mengena dengan politik.

Sebaliknya, kata beliau, tindakan itu adalah satu tindakan biasa dan tidak timbul soal pilih kasih atau motif politik pihak berkuasa.

Beliau berkata, rakyat Sabah tidak boleh mengaitkan tangkapan itu sebagai tindakan politik kerana sentimen seperti itu hanya akan menyusahkan Kerajaan Pusat serta menimbulkan suasana kurang baik antara kerajaan negeri dengan pusat.

Katanya, walau apa pun kedudukan seseorang itu, tangkapan yang dibuat tidak boleh dipertikaikan malahan hendaklah dilihat sebagai tindakan biasa yang tidak boleh dikecualikan terhadap sesiapa juga yang didapati bersalah.

"Kita tidak mahu mengecualikan sesiapa pun," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas

dakwaannya yang mengatakan tangkapan ke atas tiga orang yang terbabit dalam komplot menarik Sabah keluar dari Malaysia sebagai bermotifkan politik menjelang pilihanraya negeri 16 dan 17 Julai depan.

Sebelum ini, Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan mempersoalkan tangkapan itu yang dibuat ketika Sabah sedang menghadapi demam pilihanraya negeri dan beliau tidak mahu ISA digunakan untuk tujuan politik.

Datuk Pairin juga meminta ketiga - tiga orang yang ditahan itu dibawa ke mahkamah bagi dibicarakan secara terbuka.

Mengkaji

Mereka yang ditahan ialah Pengerusi Syarikat Penerbangan Sabah, Banabas Tapin atau Benedict, Setiausaha Eksekutif Persatuan Kebudayaan Kadazan - Dusun, Damit Undikai dan anggota polis dari Unit Semboyan, Albanius Yudah.

Perdana Menteri juga mengingatkan, sebagai orang politik, tangkapan seperti itu tidak boleh dipertikaikan sekiranya ia melibatkan orang politik.

Beliau menegaskan, sama ada orang yang ditahan itu penyokong kerajaan atau

tidak, kerajaan harus mengkaji sama ada mereka melakukan kesalahan dan apabila tangkapan dibuat ia tidak boleh dianggap sebagai pilih kasih.

"Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan polis bebas mengambil tindakan mengikut kuasa yang ada pada mereka. Orang UMNO pun kena tangkap juga dan bila marah, dia masuk 46 (Parti Semangat 46)," katanya.

Mengenai isu royalti minyak Sabah yang mungkin dibangkitkan dalam kempen pilihanraya negeri itu, Perdana Menteri mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa kerajaan berhasrat mengagihkan hasil minyak itu kepada negeri - negeri lain.

Katanya, sebelum minyak ditemui di Sabah, hasil minyak Sarawak dan Terengganu turut digunakan untuk pembangunan di Sabah dan ketika itu tidak ada bantahan daripada mana - mana pihak.

Awal tahun ini, ketika mengulas hasrat sesetengah pihak di Sabah supaya royalti minyak dinaikkan sehingga 50 peratus, Perdana Menteri telah mengingatkan bahawa hasil negara hendaklah diagih secara adil dan tidak boleh dibolot oleh negeri berkenaan sahaja.